

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam

Auditorium Intan Bukit Kiara, Kuala Lumpur 24 Februari 2000

"PERKHIDMATAN AWAM DALAM ALAF BARU: CABARAN DAN PROSPEK"

Saya berasa amat gembira kerana dapat bersama tuan-tuan dan puan-puan dalam majlis ini. Majlis seperti ini memberi peluang kepada saya untuk menjelaskan kepada tuan-tuan dan puan-puan harapan negara dan harapan rakyat terhadap pegawai-pegawai kanan Kerajaan seperti tuan-tuan dan puan-puan. Majlis seperti ini juga memberi peluang kepada saya untuk mendengar pandangan, ide dan teguran pegawai-pegawai kanan Kerajaan secara terus supaya dengan teguran ini khidmat Kerajaan akan menjadi lebih baik dan negara akan dapat dibangunkan dengan lebih pesat serta rakyat akan terus dapat menikmati kesejahteraan hidup.

2. Kemajuan yang dicapai oleh negara sejak kita merdeka adalah hasil daripada keamanan yang wujud di negara ini, perpaduan kaum yang erat, sokongan padu rakyat kepada Kerajaan serta jentera pelaksanaan yang baik dan berkesan.

3. Kejayaan yang dicapai bukan kita perolehi dengan begitu mudah. Kita dapati bahawa banyak negara di Afrika dan Asia yang telah sama-sama merdeka dengan kita tetapi mereka masih tidak dapat dibangunkan dengan baik. Walaupun dahulunya mereka berada di tahap hampir sama dengan kita tetapi pada hari ini mereka sama ada jauh ketinggalan ke belakang ataupun lebih mundur daripada keadaan semasa mereka mula-mula merdeka. Sesetengah negara menghadapi pelbagai masalah sosial dan politik, keadaan huru-hara, peperangan sesama sendiri yang tidak membolehkan mereka memberi tumpuan kepada usaha-usaha pembangunan. Keadaan ini terus berlaku seolah-olah ianya tidak akan berkesudahan. Kerajaan demi kerajaan ditubuh dan dijatuhkan tanpa diberi masa untuk melaksanakan apa-apa rancangan kemajuan. Pembangunan diberi prioriti yang rendah dan sebaliknya peruntukan untuk membeli senjata menelan sebahagian besar daripada belanjawan. Dengan itu negara menjadi miskin dan terpaksa mengemis untuk mendapat bantuan sementara rakyat terpaksa berhijrah ke negara lain.

4. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan yang kita capai tidak datang bergolek. Ianya datang kerana adanya jentera yang cekap dan profesional, adanya kefahaman akan penggunaan jentera ini untuk kebaikan negara, penentuan prioriti dalam penggunaan sumber kewangan, perancangan yang baik dan peningkatan kecekapan jentera pelaksanaan sepanjang masa. Namun semua ini juga tidak akan mendatangkan hasil jika politik negara kucar-kacir, tidak ada keamanan dan kaum-kaum di negara kita ini sering bermusuhan dan undang-undang negara dicabul dengan sewenang-wenangnya.

5. Tentulah jelas bahawa banyak perkara mesti ditangani dengan cekap dan baik sebelum dapat kita bangunkan negara. Semasa kita mencapai kemerdekaan, negara bergantung kepada hanya dua sumber kekayaan iaitu timah dan getah. Jika hari ini kita terus bergantung kepada kedua-dua punca ini

kita akan jadi miskin sama dengan negara yang termiskin di dunia.

6. Selain daripada cabaran menegakkan keamanan, meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat, adalah jelas pada hari ini kita menghadapi pelbagai cabaran baru yang perlu kita sama-sama tangani agar wawasan kita untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 tercapai. Kita sedar bahawa tidak semua negara berasa senang dengan kejayaan kita. Mereka lebih suka jika kita kurang maju dan sering meminta bantuan daripada mereka. Jika kita meminta bantuan maka kita akan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu serta kita perlu tunduk kepada mereka kerana terhutang budi dan bergantung kepada mereka. Tetapi oleh kerana kita berjaya membangunkan negara kita tanpa apa-apa bantuan, kita bebas menentukan dasar-dasar kita sendiri dan bebas pula menyuarakan pendapat kita berkenaan dengan ketidakadilan yang kita lihat berlaku di dunia.

7. Dalam era globalisasi sekarang yang dipercepatkan lagi dengan kemajuan pesat teknologi maklumat dan komunikasi, kita didedahkan kepada ancaman baru daripada kuasa-kuasa besar dan syarikat-syarikat gergasi mereka yang melihat semua ini sebagai peluang besar untuk mereka. Tujuan mereka ialah supaya globalisasi dan kemajuan teknologi akan membolehkan mereka sekali lagi menakluki dunia. Kali ini peperangan bersenjata tidak perlu. Yang diperlukan hanyalah kekayaan yang tidak ternilai besarnya. Syarikat-syarikat dan bank-bank akan memiliki lebih banyak kekayaan modal daripada kebanyakan negara di dunia. Dengan disokong kuat oleh Kerajaan mereka dan institusi antarabangsa, syarikat-syarikat dan bank-bank mereka boleh menembusi semua negara, mengambilalih semua perniagaan dan perusahaan dan akhirnya mempengaruhi politik serta pemerintahan negara. Di waktu itu kemerdekaan tidak bermakna lagi kerana semua dasar dan rancangan perlu mendapat restu mereka. Dengan mudah mereka boleh mengurangkan pendapatan Kerajaan, bahkan memiskinkan negara jika kita melakukan sesuatu yang tidak dipersetujui oleh mereka.

8. Apa yang saya perkatakan ini bukanlah bertujuan menakutkan tuan-tuan dan puan-puan supaya Kerajaan mendapat sokongan politik. Sebaliknya apa yang diperkatakan ini sudahpun berlaku. Hanya dengan menjatuhkan nilai matawang, negara yang kaya boleh menjadi miskin, keamanan negara boleh digugat, rusuhan berlaku dan Kerajaan ditumbangkan. Mungkin mereka yang ingin Kerajaan tertentu dijatuhkan akan melihat peristiwa kejatuhan Kerajaan sebagai satu kebaikan. Tetapi jangan fikir Kerajaan yang menggantinya akan selamat. Jika Kerajaan yang mengganti tidak sujud kepada kuasa asing ia akan diancam dan dijatuhkan juga. Dengan perkataan lain negara sudah dijajah. Sebab itu kita harus berwaspada dan tidak membakar kelambu kerana marahkan nyamuk.

9. Pemimpin institusi antarabangsa menegaskan bahawa globalisasi bukan dirancang oleh Barat untuk menguasai dunia. Sebaliknya ia bertujuan untuk menolong negara-negara membangun. Setakat ini kita belum nampak mana-mana negara membangun yang mendapat nikmat daripada globalisasi yang diusahakan dan dilaksanakan sekarang. Yang kita nampak ialah negara-negara yang kaya di Barat menjadi lebih kaya dan jurang pendapatan antara yang maju

dan yang membangun menjadi lebih luas.

10. Kita berjaya menangkis percubaan untuk menakluki ekonomi dan kewangan kita kerana kita memiliki kekuatan dalaman. Yang pertamanya, rakyat kita tidak panik dan tidak merusuh. Yang keduanya ialah kita tidak berhutang terlalu banyak dari luar negeri. Yang ketiganya, kita menguruskan kewangan kita dengan berhati-hati. Banyak sudah tuduhan dibuat bahawa Kerajaan Malaysia boros berbelanja dan suka membazir dengan projek-projek yang dikatakan mega. Jika benarlah tuduhan ini sudah tentu kita tidak akan memiliki kekuatan kewangan sehingga kita tidak perlu mendapat pinjaman IMF untuk memulihkan ekonomi negara kita. Boros atau tidak bergantung kepada kemampuan kita. Jika kita belanja kurang daripada pendapatan kita, kita tidak boros. Tetapi walaupun perbelanjaan kita kecil tetapi ia adalah lebih daripada kemampuan kita, maka itu adalah boros. Orang asing yang menuduh kita boros mempunyai agenda tertentu. Janganlah kita jayakan agenda mereka dengan menyambut tuduhan mereka. Hakikatnya ialah kita mengurus kewangan kita dengan bijak sehingga hari ini 'credit rating' kita menjadi yang terbaik sekali di Asia selain Singapura dan bank-bank berlumba-lumba untuk memberi pinjaman kepada kita.

11. Kejayaan kita menyelamatkan negara kita dengan usaha dan cara kita sendiri harus menyakinkan kita bahawa kita mampu menangani masalah yang akan dibawa oleh globalisasi dan mungkin juga mendapat manfaat daripadanya.

12. Oleh kerana kita tidak terletak dibawah naungan IMF, kita masih boleh menyekat pencerobohan syarikat-syarikat gergasi yang telah didirikan untuk tujuan ini. Tetapi untuk menentukan kejayaan, kita perlu kepada perkhidmatan awam yang cekap dan berdisiplin.

13. Alhamdulillah, Malaysia mempunyai perkhidmatan awam ini. Yang diperlukan daripada perkhidmatan awam ini ialah kesedaran akan bahaya yang dihadapi serta perubahan ketara 'environment' dunia yang memerlukan cara dan sistem perkhidmatan yang berbeza.

14. Kita hidup dalam zaman teknologi maklumat yang mana maklumat datang sebagai banjir yang membawa bersamanya bukan sahaja yang berguna dan baik tetapi juga yang palsu dan merbahaya, yang boleh mendatangkan mudarat kepada kita. Kita terdedah kepada yang baik dan yang buruk. Jika kita tidak cekap menapis maklumat ini, maka kita akan membuat tindakan yang salah kerana berpandu kepada maklumat yang tidak benar dan salah.

15. Kita sudah lihat bagaimana program-program TV asing boleh meruntuhkan moral kita. Tetapi yang lebih merbahaya ialah promosi cara hidup dan kegiatan yang berasas kepada nafsu serta perasaan lebih daripada akal fikiran. Jika kita mengikut kehendak nafsu dan perasaan, keputusan dan tindakan kita tetap tidak bijak. Kita akan memarahi sesuatu tanpa usul periksa, yang mana ini akan mempengaruhi sikap dan tindakan kita. Mungkin juga ia menjadikan khidmat kita tidak baik dan menjejaskan pembangunan negara kita. Oleh itu, amatlah penting kita tidak menerima sebagai benar semua maklumat yang kita terima melalui teknologi maklumat.

16. Sebaliknya jika kita cekap menapis dan menggunakan maklumat yang benar maka prestasi khidmat kita akan meningkat, kita akan lebih produktif serta pembangunan negara akan berjalan lancar. ' Electronic-Government' adalah cara khidmat yang boleh meningkatkan produktiviti Kerajaan. Justeru itu amatlah penting semua anggota Kerajaan menguasai penggunaan komputer dan Internet untuk meningkatkan prestasi serta produktiviti Kerajaan dan khidmat yang diberi kepada rakyat serta pelanggan Kerajaan.

17. Kita mengamalkan konsep Persyarikatan Malaysia. Sebelum ini kita mengasingkan perkhidmatan Kerajaan (public service) daripada swasta. Kadang-kadang kita seolah-olah bermusuhan dengan mereka. Kita tidak menganggap tugas kita ada kaitan dengan mereka dan dengan itu kita tidak cuba menolong mereka.

18. Sikap ini dikatakan diamalkan oleh pentadbiran kolonial dahulu. Tetapi sebenarnya pentadbiran kolonial juga menolong pihak swasta. Hanya yang berbeza ialah swasta bagi mereka terhadap kepada kaum bangsa mereka sendiri. Sebab itu di zaman kolonial begitu mudah sekali bagi mereka mendapatkan tanah yang luas untuk ladang mereka dengan harga yang amat murah dan cukai yang rendah. Sebab itu mereka mengadakan ' Imperial Preference' supaya hanya barangan British sahaja yang boleh dibeli oleh Kerajaan dan kakitangan Kerajaan.

19. Amalan kronisme mereka amat ketara sekali. Mereka berjumpa dalam kelab-kelab mereka dan di situlah mereka melayan kroni mereka. Hanya pada masa itu mereka tidak memperkenalkan perkataan ' kroni' .

20. Apabila kita melaksanakan konsep Persyarikatan Malaysia, layanan yang kita perlu beri kepada swasta adalah oleh kerana hasil Kerajaan datang daripada mereka. Lebih untung mereka lebih besarlah pendapatan Kerajaan. Dan pendapatan Kerajaan menentukan gaji kita serta pembangunan negara. Kita tidak rugi jika swasta mendapat keuntungan yang besar. Tetapi kita tetap rugi jika pihak swasta rugi. Pendapat bahawa walau apapun terjadi kepada swasta pendapatan kita tetap kekal adalah salah. Semasa kegawatan baru-baru ini kita terpaksa memotong elaun-elaun tertentu dan juga kenaikan gaji. Ini adalah oleh sebab cukai korporat yang dipungut oleh Kerajaan berkurangan.

21. Hubungan kita dengan swasta kerana mengamalkan Persyarikatan Malaysia mendedahkan kita kepada tuduhan dan kemungkinan kita disogok. Rasuah tidak mudah dikesan tetapi lambat-laun ia dikesan juga dan tindakan yang akan diambil terhadap kita adalah jauh lebih berat daripada apa yang kita terima. Kita mungkin dipenjarakan dan masa depan kita akan hancur. Jikalau kita sentiasa ingat akan semua ini kita boleh mengelak daripada terlibat dengan rasuah sementara kerja kita dapat dilaksanakan dengan cepat dan licin. Sebenarnya mengelak daripada rasuah bergantung kepada nilai-nilai yang dipegang oleh kita. Alhamdulillah, budaya bangsa kita masih menganggap penerimaan rasuah sebagai salah dan memalukan. Selagi penerimaan rasuah tidak menjadi budaya biasa, kita mempunyai harapan untuk menentukan khidmat kita bersih daripada

rasuah. Dengan itu pentadbiran negara kita akan terus licin dan berhasil.

22. Saya percaya kita semua pernah ke negara-negara di mana rasuah adalah sebahagian daripada budaya dan cara hidup. Kita tentu dapat melihat bahawa negara berkenaan, walaupun kaya dengan sumber alam dan berpotensi, tetapi ia tidak dibangunkan dengan baik. Tidak ada kemajuan yang dapat dilihat. Perniagaan dan perusahaan tidak maju serta tidak mendapat keuntungan. Pemerintah juga tidak dapat memungut hasil yang cukup dan membayar gaji yang berpatutan kepada kakitangan Kerajaan. Dengan itu kakitangan Kerajaan terpaksa bergantung kepada rasuah. Bagi kakitangan yang tidak berpeluang mendapat duit rasuah, mereka terpaksa mempunyai pekerjaan yang kedua untuk menambahkan pendapatan mereka. Saya yakin kita semua tidak ingin melihat negara kita menerima rasuah sebagai sebahagian daripada budaya kita. Oleh itu, walaupun kita bergaul dengan swasta, kita tentu tidak akan membenarkan diri kita terlibat dengan rasuah. Kita mungkin percaya rasuah kita tidak akan dikesan. Tetapi jangan terlalu yakin. Kerana sudah ramai yang telah menerima hukuman yang berat.

23. Profesionalisme adalah penting untuk menentukan pentadbiran berjalan dengan berkesan. Profesionalisme bermakna khidmat yang diberi tidak berpartisan, tidak memihak kepada sesiapa, sebaliknya ia hanya bertujuan untuk menjayakan urusan kita. Sebagai contoh konsultan yang terdiri daripada bangsa lain perlu membuat kajian dan laporan tanpa mengambilkira bangsanya tetapi sebaliknya mengutamakan kepentingan pihak yang memberi kontrak kepada mereka sebagai konsultan. Dalam pada itu laporan yang hendak dibuat mestilah berasas kepada kebenaran walaupun kebenaran itu tidak secocok dengan kehendak pelanggan dan mungkin mereka tidak akan melanggan lagi.

24. Di Malaysia semua khidmat Kerajaan adalah profesional. Tentera umpamanya akan menurut arahan Kerajaan semasa. Bukanlah menjadi peranan tentera untuk membentuk dasar negara sama ada di dalam atau di luar negeri. Tentera juga tidak memihak kepada mana- mana parti politik serta tidak mempunyai pendirian tersendiri. Kesetiaan tentera bukanlah kepada panglima atau pegawai-pegawai ketenteraan tetapi kepada Kerajaan semasa yang memerintah. Sudah tentu jika panglima atau pegawai memberi arahan untuk menentang Kerajaan, maka ini tidak akan mencerminkan profesionalisme tentera dan sebagai anggota profesional arahan seperti itu tidak mengikat tentera.

25. Alhamdulillah, tentera Malaysia adalah badan profesional. Dengan itu kita tidak menghadapi masalah seperti yang dihadapi oleh sesetengah negara lain yang memperlihatkan perebutan kuasa oleh tentera. Demikian juga pentadbiran negara ini tidak menghadapi masalah kerana profesionalisme perkhidmatan awam negara ini.

26. Namun demikian tiap seorang daripada anggota perkhidmatan awam tentulah mempunyai pendirian berkenaan politik negara. Mereka mungkin memihak atau bersimpati dengan perjuangan parti-parti tertentu. Tetapi dalam menjalankan tugas, soal pendirian peribadi tidak boleh diambilkira -- sama

seperti konsultan asing yang tidak boleh mengambilkira kepentingan negara serta bangsanya dalam memberi pandangan mereka.

27. Kita sudah merdeka selama 42 tahun. Dalam masa tersebut perkhidmatan awam telah berlipatganda besarnya. Bahawa perkhidmatan awam adalah profesional dan cekap dapat dilihat daripada pembangunan yang pesat yang dicapai oleh negara kita Malaysia. Demikianlah terkenalnya prestasi baik dan profesionalisme perkhidmatan awam Malaysia sehingga banyak negara membangun lain yang memilih perkhidmatan awam Malaysia sebagai contoh. Kita bukan sahaja menerima kunjungan daripada pegawai-pegawai perkhidmatan awam dari negara asing tetapi mereka meminta supaya kita memberi latihan kepada mereka.

28. Rekod perkhidmatan awam Malaysia adalah cemerlang dan saya percaya tidak akan ada sesiapa daripada anggota perkhidmatan awam yang ingin mencemarkan rekod ini. Walaupun kita semua bekerja kerana upahan yang kita terima tetapi balasan yang kita mesti lebih hargai ialah melihat hasil yang baik daripada perkhidmatan yang kita beri. Perkhidmatan awam Malaysia boleh berpuashati dan berbangga melihat bagaimana negara kita telah maju sejak kita merdeka. Inilah balasan yang terbesar yang lebih bermakna daripada apa yang kita dapati sebagai upah atau saguhati lain.

29. Saya yakin dan percaya bahawa kita mampu, malah kita telah membuktikan kita mampu, untuk maju dengan pesat bagi pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Bagi pihak diri saya dan Kerajaan Barisan Nasional, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua anggota perkhidmatan awam yang sejak merdeka telah memberi perkhidmatan yang profesional dan cekap supaya pembangunan negara kita dapat dimajukan dengan pesat.